

4 Pengeluaran Malaysia ke pasaran antarabangsa

Negara Malaysia

JIKA para pengusaha di negara ini menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan oleh Pusat Perdagangan Eksport, mereka akan memberi sumbangan yang amat besar membantu Kerajaan menambah lagi kestabilan ekonomi Malaysia. Ketika merasmikan Pusat itu kelmarin, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan lagi hakikat yang sudah nyata, iaitu bahawa eksport merupakan faktor penstabilan ekonomi negara.

Selamanya Malaysia menjadi peng-eksport bahan-bahan mentah utama kepada dunia—getah, timah, balak dan akhir-akhir ini minyak sawit. Tetap ini tidak memadal. Ia mesti disokong oleh eksport barangan yang dikeluarkan di sini, termasuk juga yang berasaskan bahan-bahan mentah utama itu. Memang akhir-akhir ini kadar pertumbuhan eksport barang-barang buatan Malaysia telah melebihi kadar bahan mentah utama. Dalam tempoh RMT eksport keluaran Malaysia bertambah pada kadar 19 peratus setahun sementara bahan mentah 11 peratus. Tetapi kemungkinan untuk pertumbuhan yang lebih besar masih lagi terbuka, dan patut direbut.

Pertumbuhan besar eksport keluaran Malaysia itu tidak saja akan menambah kestabilan ekonomi tetapi juga membukakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat. Lebih banyak jumlah keluaran yang dieksport bermakna lebih ramai pula pekerja yang diperlukan. Jadi sekali gus eksport ini membantu pula mengurangkan kadar pengangguran.

Namun seperti yang ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, para pengusaha di sini haruslah pula sanggup bersaing dengan lain-lain negara membangun yang juga mengeluarkan barangan yang sama. Untuk ini para pengusaha harus berupaya meningkatkan usaha 'penjajaan' keluaran itu di luarnegeri bagi mendapatkan pasaran yang lebih luas, dan kemudian berupaya pula mengeluarkannya dengan jumlah serta mutu yang memenuhi permintaan luarnegeri.

Selain daripada keagresifan 'penjajaan', mutu keluaran yang tetap tinggi adalah juga faktor utama untuk berjaya dalam saingan tersebut. Para pengusaha mestilah sentiasa mengawasi mutu yang tinggi supaya permintaan terhadapnya tetap meningkat. Usaha SIRIM mengawasi mutu bukan saja melalui contoh keluaran yang dihantar kepadanya tetapi juga barangan yang ada di pasaran mungkin dapat membantu ke arah ini.